

21 DISEMBER 2017

Dua pelajar ke tali gantung



HARIAN METRO

Dua pelajar ke tali gantung

■ Penuntut kolej warga Nigeria didapati bersalah edar dadah 3 tahun lalu

PENUNTUT kolej warga Nigeria dijatuh hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Shah Alam

Dua penuntut kolej warga Nigeria dijatuh hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam selepas didapati bersalah mengedar 3.5 kilogram (kg) dadah di sebuah pangsapuri di Petaling Jaya, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Abdul Halim Aman memutuskan demikian selepas pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie ke atas tertuduh Mustafa Azmir, 28, dan Jude Nnamdi Achonye, 30.

Mengikut pertuduhan, mereka yang menuntut di sebuah kolej swasta di ibu negara didakwa mengedar dadah jenis methamphetamine di kawasan pangsapuri berkenaan jam 3.30 petang, 2 September 2014.

Dua sahabat itu melakukan kesalahan mengikut Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Berdasarkan fakta kes, mereka ditahan polis selepas mengambil beberapa kotak berisi dadah terabit yang dihantar oleh sebuah syarikat kurier di pangsapuri berkenaan.

Abdul Halim dalam penghakimannya berkata, selain 73 eksibit yang dikemukakan, mahkamah meneliti keterangan 13 saksi pendakwaan dan dua saksi pembelaan.

"Pihak pembelaan di akhir kes ini didapati gagal menimbulkan sebarang kes keraguan munasabah dan turut tiada keterangan yang menyangkal hujahan pendakwaan secara keseluruhan.

"Selain itu, wujud percampangan keterangan antara kedua-dua tertuduh dan pembelaan hanya bersifat penafian tanpa bukti kukuh," katanya.